

# **ANTARA TRADISI DAN PERUBAHAN PERNYATAAN BUDAYA DI PERSISIRAN PANTAI TIMUR SEMENANJUNG MALAYSIA**

Wan Abdul Kadir Wan Yusoff

## **Pengenalan**

Konsep tradisi dan moden selalu digunakan apabila merujuk kepada kedudukan dan perubahan budaya. Dalam konteks perubahan budaya, tradisi dan kemodenan tidak dapat dipisahkan, memandangkan pergerakan atau perubahan berlaku secara bersambungan. Namun dalam anggapan popular, adakala tradisi dan kemodenan itu difahami sebagai terpisah atau terasing. Misalnya, warisan budaya Melayu itu dianggap tradisi dan unsur-unsur budaya yang dibawa dari negara-negara maju seperti negara barat dianggap moden. Bagi tujuan perbincangan ini, tradisi dan kemodenan ini dilihat secara umum dalam proses perubahan yang dilalui orang Melayu.<sup>1</sup> Kemodenan dalam konteks peradaban manusia adalah suatu perubahan yang membawa kepada peningkatan

---

<sup>1</sup> Konsep moden yang digunakan secara meluas lebih menekankan kepada perubahan dan pembaharuan yang ditunjukkan secara luaran, terutama nilai-nilai yang berkaitan dengan kebendaan. Kemodenan dan Barat pernah dilihat sebagai membawa maksud yang sama.

kualiti hidup. Bagi memperlihatkan masyarakat dan budaya Melayu di persisiran Pantai Timur Semenanjung Malaysia, tumpuan khusus diberikan kepada masyarakat dan budaya Melayu Kelantan.<sup>2</sup> Bahan-bahan yang digunakan dalam perbincangan ini berasaskan kepada pengalaman dan kajian-kajian yang pernah dilakukan. Suasana masyarakat dan budaya di negeri-negeri lain di persisiran Pantai Timur tidak jauh berbeza dengan masyarakat dan budaya di Kelantan.<sup>3</sup>

Ruang lingkup yang boleh diliputi dalam perbincangan tentang perubahan masyarakat dan budaya itu amat luas. Namun penumpuan perbincangan ini hanya diberikan kepada warisan unsur-unsur budaya ekspresif yang banyak didapati di negeri Kelantan.<sup>4</sup> Budaya ekspresif tidak boleh dipisahkan daripada berbagai-bagai bidang lain, seperti ekonomi, politik, dan sosial yang mempengaruhi keseluruhan kehidupan anggota masyarakat. Proses perubahan yang dilalui anggota masyarakat turut mempengaruhi kedudukan penghasilan unsur-unsur budaya ekspresif.<sup>5</sup> Melalui unsur-unsur budaya ekspresif itu menerangkan pernyataan dan simbolik budaya.

Di Kelantan, terdapat berbagai-bagai kegiatan yang berkaitan dengan penghasilan unsur-unsur budaya ekspresif tradisi sejak lama dahulu. Penghasilan unsur-unsur itu memainkan peranan penting dalam pembinaan tamadun Melayu di negeri itu. Berkaitan dengan ini juga, boleh dikatakan bahawa masyarakat Melayu di Kelantan mempunyai kestabilan politik, ekonomi, dan sosial yang membolehkan mereka

---

<sup>2</sup> Masyarakat dan Budaya Melayu Kelantan dilihat dalam konteks kelompok Melayu dan sub-budaya, sebagai bahagian daripada Melayu yang lebih luas. Kelompok dan sub-budaya Melayu di Kelantan mempunyai tradisi yang berbeza daripada kelompok-kelompok Melayu di tempat lain. Misalnya, bahasa dialek dan amalan yang berkaitan dengan unsur-unsur budaya ekspresif. Tetapi perbezaan itu tidak pula terpisah daripada tradisi budaya Melayu yang lebih luas. Ada kala perbezaan itu hanya pada bahagian ranting-rantingnya, sedangkan asasnya sama.

<sup>3</sup> Tumpuan penduduk di pantai timur dalam kegiatan tani, dan oleh itu tradisi budaya tani itu didapati amat dominan.

<sup>4</sup> Konsep budaya ekspresif itu meliputi unsur-unsur budaya yang dianggap seni dan mainan yang bertujuan untuk mengisi keperluan-keperluan yang lebih tinggi.

<sup>5</sup> Unsur-unsur budaya ekspresif merupakan sebahagian daripada kehidupan anggota-anggota masyarakat. Peranan dan kepentingannya bukan sahaja sebagai hiburan dan mengisi masa lapang, malahan juga sebagai saluran yang dapat memupuk nilai-nilai sosial dan *world-view*. Dalam masyarakat moden umumnya, didapati keperluan terhadap bahan-bahan budaya ekspresif mempengaruhi tumpuan orang ramai untuk meningkatkan kegiatan ekonomi.

menumpukan perhatian kepada kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan budaya ekspresif. Selain itu, orang Melayu di Kelantan dapat mempertahankan sebahagian daripada unsur-unsur budaya ekspresif tradisi, di samping turut mengalami proses urbanisasi dan modenisasi yang pesat kini. Keadaan yang berlaku ini dapat dikaitkan dengan ikatan orang Kelantan kepada identiti kedaerahan. Unsur-unsur budaya ekspresif tradisi itu dapat memberikan mereka kesedaran tentang pentingnya mempertahankan identiti sendiri.

## **Tamadun di Pesisiran Pantai Timur**

Walaupun kedudukan pesisiran Pantai Timur yang agak terpisah daripada Selat Melaka, tetapi tidak pula bermakna penduduk di kawasan itu jauh ketinggalan dalam arus perkembangan tamadun Melayu. Penyebaran manusia zaman batu dapat dikesan di gua-gua di Kelantan yang membuktikan penyebaran kumpulan mereka dari utara ke selatan.<sup>6</sup> Penyebaran Islam juga dapat dibuktikan telah berlaku lebih awal di pesisiran Pantai Timur dengan penemuan batu bersurat di Terengganu.

Tamadun Melayu di kawasan Selat Melaka berpusat di beberapa buah kerajaan Melayu, seperti Melaka, Aceh, dan Johor. Kerajaan-kerajaan Melayu yang muncul di sekitar perairan Selat Melaka telah membina tamadun yang tinggi di rantau itu.<sup>7</sup> Orang ramai selalu beranggapan bahawa tamadun Selat Melaka itulah yang dominan dalam pembinaan tamadun Melayu. Penduduk di pesisiran Pantai Timur juga tidak ketinggalan dalam menerima perubahan dan seterusnya membina tamadun yang tinggi. Misalnya, kerajaan Melayu Patani pernah muncul sebagai pusat perkembangan budaya yang tidak kurang pentingnya berbanding dengan Melaka. Kerajaan Melayu Patani dapat berkembang pesat sebagai pusat tamadun Melayu di pesisiran Pantai Timur. Pengaruhnya berkembang luas ke kawasan-kawasan lain di pesisiran

---

<sup>6</sup> Lihat juga Tweedie, M.W.F., "Report on excavations in Kelantan", *JMBRAS*, 18(2): 1-22 Ag. 1940.

<sup>7</sup> Tamadun Melayu di Kawasan Selat Melaka mendapat perhatian para pengkaji, memandangkan kerajaan-kerajaan Melayu yang muncul, seperti Melaka, telah memainkan peranan penting dalam perkembangan sejarah tanah air.

Pantai Timur.<sup>8</sup> Walau bagaimanapun tamadun yang berlaku di Pantai Timur itu juga memainkan peranan penting dalam pembinaan tamadun Melayu yang lebih luas.

Kerajaan Melayu Patani juga merupakan pusat perkembangan Islam di pesisiran Pantai Timur. Apabila kerajaan itu menjadi lemah, pusat perkembangan Islam berpindah ke Kelantan. Di Kelantan muncul pusat-pusat pendidikan Islam dengan tokoh-tokoh yang terkemuka.<sup>9</sup> Semasa pemerintahan kolonial, Kelantan tetap menjadi pusat perkembangan Islam yang penting di Pantai Timur. Masyarakat Melayu di Kelantan telah membina tradisi budaya yang mantap dan kukuh manakala Islam pula merupakan asas penting dalam menyesuaikan unsur-unsur budaya tradisi dengan penerimaan unsur-unsur budaya yang dianggap moden dan maju yang dibawa dari luar.

## **Perubahan Semasa Pemerintahan Kolonial**

Walaupun kedudukan Kelantan agak terpisah dari kawasan Pantai Barat, tetapi kesan perubahan yang berlaku di Pantai Barat juga dirasai orang Melayu di Kelantan.<sup>10</sup> Unsur-unsur budaya Barat yang dianggap moden dan maju dapat diterima dengan baik, terutama oleh penduduk bandar di Kelantan.

Kemudahan asas yang dibina oleh pemerintah kolonial bagi meningkatkan pembangunan sektor ekonominya membawa kesan kepada perubahan budaya tempatan secara keseluruhan. Selain itu, perkembangan pesat pendidikan moden dapat pula memperkembangkan unsur-unsur budaya yang dianggap moden yang dibawa oleh arus perkembangan kemodenan. Bandar Kota Bharu sebagai pusat

---

<sup>8</sup> Untuk keterangan lanjut tentang sejarah Kelantan, lihat As'ad Shukri Haji Muda, *Sejarah Kelantan*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, 1962.

<sup>9</sup> Tokoh-tokoh dalam bidang Islam yang terkenal seperti Tok Kenali. Lihat juga Nik Abdul Aziz B. Nik Hassan, *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, Pakatan Keluarga Tuan Tabal, K. Bharu, 1977. Di Kelantan juga muncul secara meluas sekolah-sekolah pondok, dan kemudian sekolah pengajian Islam. Lihat juga Winzeler, Robert L., "Traditional Islamic Schools in Kelantan," *JMBRAS*, v-xiviii, Pt. 1, 1975.

<sup>10</sup> Pembangunan Kelantan semasa pemerintahan kolonial peringkat awal, lihat Graham, W.A., *Kelantan*, Glasgow, 1907.

perkembangan budaya Melayu, mempunyai hubungan erat dengan pembangunan bandar-bandar kolonial di Pantai Barat. Perubahan yang berlaku di Pantai Barat semasa pemerintahan kolonial turut mempengaruhi penduduk di Pantai Timur, misalnya pertumbuhan bandar-bandar di Kelantan tidak terpisah daripada pembangunan di Pantai Barat. Walau bagaimanapun, pemerintah kolonial lebih menumpukan pembangunan di Pantai Barat.<sup>11</sup>

## **Pembangunan Selepas Kemerdekaan**

Anggapan umum, terutama oleh orang-orang di Pantai Barat bahawa kawasan Pantai Timur ketinggalan daripada arus pembangunan tidak seperti yang dialami di Pantai Barat, boleh dianggap kurang tepat. Penduduk di Pantai Timur tidak ketinggalan dalam menerima dan terlibat dengan rancangan pembangunan yang dilakukan oleh kerajaan. Dengan pesatnya usaha pembangunan, terutama dengan penyediaan kemudahan asas selepas negara mencapai kemerdekaan, orang Melayu di Kelantan khususnya serta di Pantai Timur umumnya, telah mengalami perubahan dan mereka dapat menyesuaikan diri dengan keperluan-keperluan semasa.

Pembangunan luar bandar membawa kesan yang menyeluruh dalam membawa perubahan kepada orang Melayu di Kelantan. Misalnya, kemudahan sistem perhubungan yang diwujudkan membolehkan penyebaran pesat unsur-unsur budaya moden, terutama yang dibawa dari Pantai Barat ke Pantai Timur. Kepesatan pembangunan membawa kepada proses urbanisasi dan modenisasi secara menyeluruh serta mempengaruhi perkembangan budaya. Orang Melayu di Kelantan juga inginkan perubahan bagi menyesuaikan diri dengan perkembangan semasa. Orang-orang muda yang terdedah kepada perubahan budaya yang berlaku secara global amat peka dengan pengaruh yang dibawa dari luar, terutama dari pusat-pusat pembangunan di negara maju.

---

<sup>11</sup> Pembangunan yang menjadi tumpuan pemerintah kolonial dalam sektor ekonomi mereka, tidak terpisah daripada kehidupan orang Melayu dalam sektor tani tradisi. Bandar-bandar kolonial di pantai barat sebagai pusat perkembangan budaya moden tidak terpisah daripada bandar-bandar yang terletak di pantai timur. Perkembangan pendidikan sekular, sistem perhubungan yang semakin baik, dan perubahan dalam bidang politik dan ekonomi merupakan saluran-saluran penting dalam membawa nilai-nilai kemodenan.

Pembangunan membawa perubahan nilai dan *world-view* secara menyeluruh. Namun kepada orang-orang Kelantan, nilai-nilai yang menekankan kepentingan kedaerahan masih tebal. Mereka yang dipupuk secara mendalam dengan identiti kelompok kedaerahan dapat melahirkan rasa kekitaan yang tebal. Suasana ini amat penting dalam melahirkan kesedaran kedaerahan yang juga mempengaruhi mereka untuk mempertahankan identiti.<sup>12</sup>

## **Perkembangan Budaya Popular**

Penawaran unsur-unsur budaya popular amat pesat berikutan dengan proses urbanisasi dan modenisasi.<sup>13</sup> Unsur-unsur budaya ini tersebar secara menyeluruh dan meluas tanpa mengira kelompok sosial. Penawarannya secara komersial membolehkan unsur-unsur budaya popular itu sentiasa berubah bersesuaian dengan keperluan-keperluan semasa. Peranannya sebagai bahan untuk mengisi keperluan yang lebih tinggi bersifat amat sekular yang adakalanya kurang menekankan kepentingan seni.<sup>14</sup> Orang ramai menggunakannya sebagaimana bahan-bahan pengguna yang lain untuk memberikan kepuasan, baik kepuasan emosi mahupun kepuasan sosial.

Proses urbanisasi dan modenisasi yang berlaku dengan pesat mempengaruhi penyebaran bahan-bahan budaya popular. Penggunaan teknologi moden membolehkan bahan-bahan budaya popular tersebar secara meluas yang adakala tanpa mengira batasan sosial sebagaimana

---

<sup>12</sup> Tradisi budaya memainkan peranan penting dalam membina kesedaran identiti “orang kita” di kalangan orang Kelantan. Orang Melayu yang bukan Kelantan dianggap sebagai “orang luar”. Begitu juga, dialek yang bukan Kelantan dianggap “bercakap luar”, iaitu tidak menggunakan dialek Kelantan.

<sup>13</sup> Unsur-unsur budaya popular dimaksudkan unsur-unsur budaya yang dihasilkan, terutama oleh industri budaya yang bertujuan mengisi keperluan-keperluan yang lebih tinggi, terutama hiburan dan kepentingan sosial yang menekankan kepentingan komersial. Unsur-unsur ini termasuklah muzik, filem, fesyen pakaian, media massa popular, mainan, dan seumpamanya.

<sup>14</sup> Bandingkan, unsur-unsur budaya ekspresif tradisi berkait rapat dengan kepercayaan warisan. Malahan, kepercayaan warisan mempengaruhi keseluruhan penghasilan unsur-unsur penghasilan unsur-unsur budaya ekspresif tradisi. Misalnya, Main Puteri, Berbagih, Wayang Kulit, dan Mak Yong merupakan upacara yang terlibat secara langsung dengan kepercayaan warisan. Selain itu, terdapat pula unsur-unsur yang membawa nilai-nilai Islam, seperti Marhaban, Hadrah, dan Zikir.

budaya tradisi. Bagi kepentingan komersil, unsur-unsur budaya popular sentiasa berubah agar sesuai dengan keperluan semasa. Walau bagaimanapun perkembangan budaya popular dari negara maju selalu menjadi ukuran kemajuan dan kemodenan. Perkembangan budaya popular di negara-negara maju selalu mempengaruhi perkembangan budaya tempatan, termasuk budaya Melayu.<sup>15</sup>

Perkembangan budaya popular yang membawa nilai-nilai maju dan moden mempengaruhi dan membawa kesan kepada kedudukan budaya Melayu tradisional. Secara umumnya, didapati generasi muda kini kurang berminat kepada unsur-unsur budaya ekspresif tradisi. Unsur-unsur budaya ekspresif tradisi tidak dapat bersaing dengan perkembangan budaya popular. Ada ketikanya unsur-unsur budaya tradisi cuba ditonjolkan dan dipopularkan dengan cara mengubah serta menyesuaikan dengan unsur-unsur yang moden dan maju itu. Namun demikian, unsur-unsur budaya tradisi yang diubahsuaikan itu tidak mungkin juga dapat bersaing dengan unsur-unsur budaya popular. Perbuatan itu mungkin juga boleh memusnahkan keaslian unsur-unsur budaya tradisi dan kesannya boleh merugikan khazanah budaya tradisi.

Unsur-unsur budaya tradisi sepatutnya mempunyai tempatnya yang tersendiri dalam masyarakat. Oleh itu sudah pasti unsur-unsur berkenaan tidak mungkin boleh bersaing dengan perkembangan unsur-unsur budaya popular yang bercorak komersial itu. Unsur-unsur budaya ekspresif tradisi mempunyai nilai, makna, dan pengertiannya tersendiri yang menyatakan tentang masyarakat dan budaya Melayu itu sendiri. Unsur-unsur budaya ekspresif tradisi itu mempunyai pernyataan yang penting dalam menyalurkan sistem idea dan pemikiran anggota masyarakat. Dengan demikian kita perlu melihatnya sebagai pernyataan budaya yang membawa makna dan pengertian yang mendalam tentang masyarakatnya.<sup>16</sup>

---

<sup>15</sup> Gelombang perubahan budaya yang berlaku di pusat-pusat perubahan budaya di negara-negara maju mempengaruhi secara langsung kedudukan budaya popular di negara ini. Konsep "global" dan "internasional budaya" dalam bidang budaya, menekankan kepada pengaruh unsur-unsur budaya yang berkembang secara komersial di negara-negara maju.

<sup>16</sup> Misalnya, Main Puteri yang merupakan ritual yang pernah popular di Kelantan suatu masa dahulu, mempunyai makna dan pengertian yang mendalam. Lihat Firth, Raymond, "Ritual and drama in Malay Spirit Mediumship", *Comparative Studies in Society and History*, ix 1967, 190-207.

## **Unsur-unsur Budaya Ekspresif di Kelantan**

Sebahagian besar penghasilan unsur-unsur budaya ekspresif di Kelantan menyatakan identiti masyarakat dan budayanya sebagai subbudaya Melayu. Unsur-unsur itu membawa ciri-ciri kedaerahan yang tebal dan sebahagiannya tidak terdapat di tempat lain. Unsur-unsur yang membawa identiti tersendiri termasuklah Dikir Barat, Wayang Kulit, Mak Yong, Main Puteri, Bagih, Rebana Ubi, Kertuk, Dikir Laba, dan Menora. Aspek mainan pula meliputi wau dan gasing. Persembahan seperti Wayang Kulit Kelantan berbeza pula daripada Wayang Kulit yang terdapat di daerah lain. Begitu juga dengan bentuk dan cara bermain wau dan gasing di Kelantan yang berbeza daripada daerah-daerah lain. Seterusnya orang-orang Melayu di Kelantan juga merupakan tukang-tukang yang berkebolehan. Kegiatan ukir mengukir, anyam menganyam, tenunan songket, usaha membatik, dan pertukangan logam di Kelantan telah lama dikenali. Malahan, warisan tradisi itu masih diteruskan dan popular hingga kini.

Penghasilan unsur-unsur budaya ekspresif menerusi bidang kegiatan seni, bertukang, dan mainan, membolehkan anggota masyarakat menyatakan kerajinan mereka dalam pelbagai bidang itu secara kreatif. Dalam masyarakat tani yang dapat mengeluarkan hasil yang mencukupi untuk keperluan asas, anggota masyarakat berpeluang menumpukan perhatian kepada kegiatan yang boleh memberikan mereka pengisian yang lebih tinggi seperti dengan menghasilkan unsur-unsur budaya ekspresif. Penglibatan dan penghasilan dalam memenuhi keperluan yang lebih tinggi itu amat penting dalam memberi mereka peluang membina tamadun yang tinggi.

Orang Melayu di Kelantan sejak lama dahulu telah menumpukan minat dalam pelbagai kegiatan yang bertujuan untuk mengisi keperluan yang lebih tinggi dan sebagai usaha meningkatkan pembinaan budaya ekspresif. Melaluinya, mereka dapat meningkatkan mutu unsur-unsur budaya ekspresif dan fenomena itu menyatakan tahap pencapaian tradisi budaya mereka. Di samping itu unsur-unsur budaya tersebut menunjukkan mereka telah membina penghidupan sosial yang stabil dan harmoni, baik dari segi ekonomi, politik, mahupun dari segi keseimbangan sosial.



Peranan dan kepentingan unsur-unsur budaya ekspresif tradisi tidak hanya terbatas kepada usaha mengisi keperluan hiburan atau mengisi masa lapang semata-mata. Sebaliknya boleh dikaitkan dengan pelbagai kepentingan, terutamanya sebagai saluran proses sosialisasi dan keseimbangan sosial. Melaluinya, anggota masyarakat dapat menyatakan secara simbolis tentang perasaan dan emosi mereka sebagai usaha menjalin hubungan sosial yang berasaskan tradisi lisan. Namun yang lebih penting lagi, penghasilan unsur-unsur budaya ekspresif tradisi tersebut merupakan pernyataan tentang kreativiti dan ideologi yang dapat memberikan mereka keharmonian sosial.

### **Tradisi dan Kemodenan dalam Budaya Ekspresif**

Sebagaimana lumrah yang berlaku dalam masyarakat yang pesat mengalami pembangunan, lebih-lebih berikutan dengan proses modenisasi dan urbanisasi, unsur-unsur budaya ekspresif tradisi semakin diketepikan. Orang ramai, terutamanya golongan muda, semakin kurang menunjukkan minat terhadap unsur-unsur budaya ekspresif tradisi. Minat orang ramai lebih tertumpu pada penawar unsur-unsur budaya popular. Peranan media massa misalnya, semakin penting dalam menawar serta mendedahkan pelbagai corak unsur budaya yang dianggap moden dan maju. Penduduk di bandar-bandar besar, khususnya di Pantai Barat Semenanjung, semakin kurang minat terhadap unsur-unsur budaya ekspresif tradisi. Malah, majoriti orang muda juga kurang mengenali warisan tradisi.

Dalam proses modenisasi dan urbanisasi yang pesat berkenaan, yang menarik perhatian di kalangan orang Melayu di Kelantan adalah kemampuan mereka mempertahankan unsur-unsur budaya ekspresif tradisi. Walaupun penawaran unsur-unsur budaya moden turut pesat berkembang dan mempengaruhi kehidupan orang Melayu di Kelantan, tetapi minat mereka termasuklah golongan muda terhadap unsur-unsur budaya ekspresif tradisi dapat dikekalkan. Minat terhadap unsur-unsur budaya tradisi dapat bergerak seiringan dengan penggunaan unsur-unsur budaya popular yang kini didapati dengan meluas.

Seterusnya terdapat beberapa faktor yang mempertahankan minat terhadap unsur-unsur budaya ekspresif tradisi di Kelantan. Pertama, unsur-unsur budaya ekspresif tradisi di Kelantan mempertahankan sifat-sifat kedaerahan sebagai tradisi “orang kita” yang diperturunkan sejak zaman berzaman. Misalnya, penyampaian persembahan seni tradisi dilakukan dalam dialek Kelantan, untuk menyatakan suasana kehidupan sosial di negeri tersebut. Melaluinya dapat dipupuk rasa kekitaan, iaitu perasaan terikat kepada kelompok dan tempat yang sama. Penyampaiannya dapat difahami dengan mudah memandangkan suasana, nilai-nilai sosial, dan sifat-sifat setempat dipertahankan. Sebaliknya unsur-unsur budaya popular adalah bersifat *standard* di peringkat nasional, misalnya dari segi penggunaan bahasa. Keadaan ini tidak dapat memupuk rasa kekitaan atau “orang kita” yang bersifat tinggal setempat. Mereka tidak berasa terikat dari segi emosi dengan unsur-unsur budaya yang dibawa dari luar itu. Di samping itu terdapat juga usaha yang cuba menyesuaikan unsur-unsur budaya daerah itu di peringkat nasional untuk membolehkannya dihayati oleh orang-orang di luar Kelantan. Misalnya, penggunaan bahasa dalam Wayang Kulit dan Dikir pernah disesuaikan dengan bahasa Melayu *Standard*, tetapi ini tidak dapat dihayati secara mendalam oleh orang Kelantan kerana tiada keasliannya.

Kedua, suasana kehidupan sosial di kalangan orang Kelantan yang berusaha mengekalkan warisan budaya, membolehkan unsur-unsur budaya Melayu tradisi itu dipertahankan. Sifat-sifat sosial tradisi di kalangan orang Kelantan masih dipertahankan, misalnya hubungan yang erat antara anggota kelompok, terutamanya hubungan kekeluargaan dan proses sosial yang amat menekankan ikatan sosial telah memberi peluang terhadap nilai-nilai sosial dan *world-view* tradisi terus dipupuk kepada generasi muda. Walaupun proses urbanisasi dan modenisasi yang berlaku dengan pesat membawa perubahan sosial secara menyeluruh, tetapi suasana kehidupan sosial tradisi yang masih dipertahankan mampu mempengaruhi generasi muda untuk mengikuti tindakan golongan dewasa yang dominan dalam mengawal perkembangan unsur-unsur budaya yang bersifat keterlaluan.

Begitu juga suasana kehidupan sosial turut memainkan peranan penting dalam mempengaruhi generasi muda terhadap proses sosial. Malah generasi muda ini telah terdedah kepada unsur-unsur budaya

tradisi sejak kecil. Oleh itu sebagai menyesuaikan diri dengan kepentingan kelompok atau “orang kita”, mereka telah berupaya memahami unsur-unsur budaya tradisi dengan baik dan seterusnya dapat menghayatinya dalam konteks masyarakat serta budayanya. Di samping itu anggota kelompok menyedari bahawa ikatan sosial mereka dalam kelompok amat menekankan pembinaan cita rasa budaya yang tidak jauh berbeza antara mereka. Untuk itu, budaya tradisi dianggap sebagai penghubung utama dalam mengeratkan hubungan sesama mereka.

Walau bagaimanapun, melalui kepesatan pembangunan ekonomi, nilai-nilai yang menekankan pencapaian sosioekonomi didapati semakin penting dalam mempengaruhi kehidupan sosial. Berikutan dengan ini, tumpuan orang ramai terhadap kegiatan ekonomi didapati semakin penting. Kegiatan ekonomi kini bukan lagi untuk mengisi keperluan-keperluan asas, tetapi didapati semakin penting ke arah mengisi keperluan yang lebih tinggi, terutamanya keperluan sosial. Bagi mengisi kepentingan itu, masa lapang untuk diisi dengan kegiatan yang berupa penghasilan budaya ekspresif semakin terbatas. Oleh itu, penawaran bahan-bahan budaya popular secara komersial didapati semakin penting. Sedangkan unsur-unsur itu bersifat nasional. Tetapi sifat-sifat kedaerahan itu semakin kurang. Begitu juga rasa kekitaan yang berteraskan cita rasa budaya di peringkat kelompok dan daerah juga didapati semakin berkurangan. Di samping itu telah menjadi tradisi bahawa mereka yang ahli dalam sesuatu lapangan, seperti kumpulan Wayang Kulit, Dikir Barat, dan Mak Yong bergiat dalam bidang yang diminati masing-masing. Walaupun mereka juga berusaha mencari pulangan kewangan daripada kegiatan itu, tetapi pencapaian kedudukan ekonomi mereka tidaklah begitu lumayan berbanding dengan mereka yang terlibat dalam industri budaya moden.

Dalam penghasilan dan penerusan kegiatan yang berkaitan dengan unsur-unsur budaya ekspresif tradisi, mereka yang terlibat berusaha mempertahankan teras asal supaya tidak berlaku perubahan yang ketara. Sebaliknya mereka juga sentiasa berusaha menyesuaikannya dengan suasana perubahan, misalnya dengan memasukkan aspek-aspek semasa. Sebagai contohnya, kita dapat meneliti Dikir Barat yang kini diselitkan rentak dan irama muzik moden. Unsur-unsur baru yang diselitkan itu bertujuan menyatakan penyesuaian dengan perubahan. Walau

bagaimanapun, dalam perkembangan unsur-unsur budaya tradisi itu, mereka yang terlibat berusaha mempertahankan struktur asal. Perubahan kepada struktur dianggap sebagai penyelewengan dan mereka cuba elakkan perubahan itu.

Dalam bidang mainan, kesan daripada perubahan sosioekonomi yang pesat, didapati berbagai-bagai jenis mainan tradisi yang semakin kurang mendapat tempat di kalangan orang Melayu di Kelantan. Pelbagai jenis mainan kanak-kanak yang pernah menjadi popular pada masa lalu, kini didapati semakin berkurangan. Dalam proses perubahan sosioekonomi, berikutan dengan pesatnya pembangunan luar bandar dan penawaran berbagai-bagai jenis mainan moden, baik di kalangan orang dewasa mahupun di kalangan kanak-kanak didapati permainan tradisi semakin dilupai. Dengan minat orang ramai yang semakin berkurangan terhadap mainan tradisi serta masa lapang yang semakin terbatas, unsur-unsur mainan tradisi semakin diketepikan. Malahan di kalangan generasi muda pula, mereka mempunyai pelbagai saluran yang dapat mengisi masa lapang, terutama dengan meluasnya penawaran bahan-bahan hiburan yang dibawa oleh media massa. Mainan tradisi lebih banyak menekankan kegiatan secara bersama, misalnya dalam kelompok. Melalui kegiatan mainan tradisi, anggota kelompok dapat memperkukuhkan ikatan sosial di kalangan mereka. Kegiatan mainan secara bersama itu memberi peluang mereka membina kesatuan “orang kita”.

Dalam bidang penghasilan bahan-bahan budaya material, masih terdapat kegiatan tradisi yang dipertahankan, misalnya kegiatan yang berkaitan dengan ukiran kayu, songket, batik, dan pertukangan logam. Mereka yang terlibat dalam kegiatan yang berkaitan dapat meneruskannya atas kepentingan komersial. Namun demikian, keaslian cara membuatnya dan unsur-unsur seni tradisi masih dapat dipertahankan. Memandangkan nilai-nilai tradisi cuba dikekalkan, maka harga yang diberikan kepada bahan yang dihasilkan selalunya lebih tinggi dan tidak dapat bersaing dengan barangan yang dikeluarkan oleh industri. Walau bagaimanapun penghasilan barangan bercirikan budaya tradisi itu bergantung pada permintaan di pasaran. Oleh itu, mereka yang ahli dalam bidang yang berkaitan tidak lagi mampu untuk menumpukan perhatian kepada kegiatan yang berkaitan semata-mata kerana minat. Persaingan barangan bercirikan budaya tradisi dengan penghasilan industri moden

mempengaruhi perkembangan kegiatan tradisi berkenaan. Sebahagian daripada barangan tersebut, seperti anyaman dan pertukangan, didapati semakin sedikit atau berkurangan berikutan dengan kurangnya permintaan.

Penghasilan unsur-unsur budaya ekspresif tradisi mempunyai tempatnya tersendiri dalam masyarakat moden. Kedudukannya tidak boleh dilihat sebagai persaingan dengan penawaran bahan-bahan budaya popular kini yang bersifat komersial dan sentiasa disesuaikan dengan keperluan semasa. Satu cara untuk membina dan memupuk minat generasi muda terhadap unsur-unsur budaya ekspresif tradisi adalah dengan memberikan pendedahan yang seluasnya. Hanya dengan memahami makna dan pengertian sesuatu unsur budaya itu barulah minat terhadapnya dapat dipupuk. Sepatutnya mereka dapat meletakkan unsur-unsur budaya ekspresif tradisi di tempat yang bersesuaian sebagai pernyataan budaya yang dapat membina identiti bangsa dan budaya. Sedangkan unsur-unsur budaya popular pula merupakan bahan-bahan yang digunakan sepertimana bahan-bahan pengguna yang lain. Oleh itu, anggota masyarakat sebagai pendokong budaya, boleh memberi nilai terhadap warisan budaya mereka.

## **Kesimpulan**

Tamadun Melayu di persisiran Pantai Timur telah memainkan peranan penting dalam membina dan memberi identiti kepada budaya Melayu umumnya. Penelitian terhadap tamadun Melayu tidak sepatutnya terbatas kepada kawasan Selat Melaka. Untuk itu, pembinaan tamadun di persisiran Pantai Timur perlu ditonjolkan ke peringkat yang lebih luas. Oleh yang demikian, sifat kedaerahan perlu dipertahankan bagi menjamin keaslian unsur-unsur budaya yang dihasilkan. Usaha mengekalkan keasliannya dapat menjamin kedudukannya sebagai warisan tradisi. Namun yang penting dilakukan bagi penyebaran yang lebih luas adalah usaha menerangkan makna dan pengertiannya secara menyeluruh.

Suasana kehidupan sosial di kalangan orang Melayu di Kelantan dan peranan unsur-unsur budaya dalam membina identiti masyarakat serta budaya membolehkan sebahagian unsur-unsur budaya tradisi untuk terus

diminati dan mendapat tempat di kalangan orang Melayu di Kelantan. Proses urbanisasi dan modenisasi budaya dalam konteks pembangunan, tidak bermakna membawa kepada kemusnahan tradisi budaya Melayu. Keadaan ini bergantung pada nilai-nilai sosial yang dipupuk, terutama kepada generasi muda. Penekanan yang diberikan kepada pembinaan konsep “orang kita” yang menjadi amalan di kalangan orang Kelantan meninggalkan kesan yang amat penting dalam pembinaan identiti budaya mereka. Ini seterusnya dapat memupuk ikatan yang kukuh kepada unsur-unsur budaya ekspresif tradisi. Di samping itu, mereka juga bersedia menerima perubahan dalam konteks urbanisasi dan modenisasi. Malah kini pembangunan dan kemodenan menjadi sebahagian kehidupan mereka.

## Rujukan

- Brown, C.C., 1926. *Kelantan Malay*, Singapore: Government Press.
- Firth, Raymond, 1967. “Ritual and Drama in Malay Spirit Mediumship”, *Comparative Studies in Society and History*, ix, 190-207.
- Firth, Rosemary, 1966. *Housekeeping Among Malay Peasants*, London: Graham, W.A., 1907. *Kelantan*, Glasgow.
- Kessler, Clive S. 1978. *Islam and Politics in Malay State, Kelantan 1838-1969*, Ithaca, New York: Cornell University Press.
- Nik Abdul Aziz B. Nik Hassan, 1977. *Sejarah Perkembangan Ulama Kelantan*, Kota Bharu: Pakatan Keluarga Tuan Tabal.
- Roff, William, R. (ed.) 1974. *Kelantan: Religion, Society and Politics in a Malay State*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.
- Winzeler, Robert L., 1975. “Traditional Islamic Schools in Kelantan”, *JMBRAS*, V. xviii Pt. 1.